

BAB 3

MEDIA MASSA KHAS UNTUK GOLONGAN CACAT PENGLIHATAN

3.1 Pengenalan

Tim Noonan (1993), pengurus *adaptive technology* bagi Royal Blind Society, dalam kertas kerjanya, "Development In Reading And Information Access For People Who Are Blind Or Vision Impaired", menyatakan bahawa perubahan teknologi telah meningkatkan peluang [golongan cacat penglihatan] untuk memperoleh maklumat (Sumitha, 1998:12). Seperti ahli masyarakat yang lain, golongan cacat penglihatan menggunakan media cetak seperti buku, majalah, akhbar; dan media elektronik seperti televisyen, radio, rekod, filem dan Internet. Walau bagaimanapun, biasanya, media massa tersebut digunakan oleh golongan cacat penglihatan bersama alat atau teknologi lain yang tertentu.

Seseorang yang cacat penglihatan akan mendapat maklumat melalui bahan cetak dengan empat cara utama iaitu menggunakan *residual sight* bersama dengan alat *low vision* [kaca mata atau kanta pembesar] yang menolongnya, mendapatkan pembaca yang membaca untuknya, menggunakan mesin buku audio dan membaca Braille atau Moon (Gray & Todd, 1968:69). Golongan cacat penglihatan juga menggunakan alat pengimbas untuk membaca bahan cetak [secara individu]. Alat pengimbas ini dihubungkan dengan komputer yang dilengkapi dengan alat pesuara. Maklumat yang telah diimbas akan disimpan ke dalam komputer dan kemudiannya dituturkan melalui alat pesuara. Dengan cara ini, alat tersebut membolehkan seseorang yang cacat penglihatan mengetahui maklumat yang terdapat pada dokumen bercetak yang ingin dibaca oleh mereka (Sumitha, 1998:49).

Terdapat dua faktor utama yang memberi kesan kepada cara bagaimana seseorang yang cacat penglihatan mendapat maklumat daripada bahan cetak. Pertama, jumlah *residual sight* yang berguna untuk membaca, yang ada pada golongan cacat penglihatan. dan kedua, umur apabila mereka menjadi golongan cacat penglihatan serta sama ada terdapat pengajaran yang disediakan untuk mereka selepas mereka menjadi golongan tersebut atau tidak (Gray & Todd, 1968:76).

3.2 Buku Braille

Menurut *The New Encyclopedia Britannica*, sistem Braille ialah sistem penulisan yang diterima di peringkat antarabangsa, yang digunakan oleh golongan cacat penglihatan. Huruf Braille dicipta di Paris pada tahun 1824, oleh Louis Braille, yang hilang daya penglihatan apabila beliau berusia tiga tahun. Setiap huruf Braille terdiri daripada satu hingga enam titik yang menimbul pada permukaan kertas. Pembaca boleh membaca huruf Braille dengan menyentuhnya (Clark, 1984:27).

Golongan cacat penglihatan boleh menggunakan sistem Braille untuk membaca pelbagai bahasa. Walau bagaimanapun, huruf Braille Bahasa Cina tidak digunakan di negara ini (Wong, 1991:13). Selain itu, menurut *The New Encyclopedia Britannica*, The Nemeth Code of Braille Mathematics and Scientific Notation (1965) membekalkan banyak simbol yang digunakan dalam matematik tambahan, sains dan muzik dengan menggunakan Braille.

Pembacaan Braille, walaupun di kalangan pelajar sekolah tinggi, biasanya tidak melebihi 100 patah kata seminit. Dengan itu, bukan sahaja perhatian yang banyak perlu diberi terhadap bahan yang dibentang untuk telinga atau tangan, banyak perhatian juga

mesti diberi untuk menerap apa yang telah dibentangkan. Perkara ini mungkin merupakan salah satu sebab bagi nombor pembaca buku Braille tidak besar bilangannya (Clark, 1984:23).

Bagi mereka yang lebih gemar atau serasi dengan penggunaan Braille, terdapat satu lagi alat yang membolehkan penggunanya mengesan data atau maklumat menerusi komputer. Ia dikenali sebagai alat pamer Braille (*Braille display equipment* atau *Braille device*). Alat ini mempamerkan segala maklumat atau data yang dipaparkan pada skrin atau monitor sesebuah komputer dalam bentuk tulisan Braille. Seseorang pengguna boleh membaca maklumat atau data malah grafik yang terdapat pada skrin dengan hanya menyentuh skrin pada alat pamer Braille (Sumitha, 1998:62). Walau bagaimanapun, untuk berfungsi, alat pesuara dan alat pamer Braille perlu ditambah lagi dengan program komputer khusus. Program itu mentafsir dan mengarah sesuatu data yang tepat untuk disalurkan ke sumber atau punca yang betul. Arahan tersebut dimuat dalam aplikasi perisian *Screen Reader* (Sumitha, 1998:63 dan 64).

Menurut Janina Sajka dan George Kerscher (2000), dalam “Surpassing Gutenberg: An AFB White Paper: A Historic Opportunity in Access to Published Information for Blind Readers”, kini, hanya lebih kurang 10% kandungan buku yang diterbit di pasaran dijadikan buku Braille atau buku audio dan buku tersebut hanya boleh didapati selepas beberapa bulan kemudian iaitu setelah buku untuk masyarakat umum diterbitkan. Selain itu, buku dalam kedua-dua bentuk tersebut tidak mudah digunakan seperti buku yang dicetak.

Menurut laporan tahunan The National Council for the Blind, Malaysia (NCBM) bagi tahun 2000, NCBM telah menubuhkan The Malaysian Braille Press (MBP) untuk

menerbit bahan bacaan untuk pendidikan, rujukan dan kegunaan masa lapang dalam bentuk Braille pada tahun 1998. Pertubuhan tersebut telah menerbitkan lebih banyak buku cerita bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam bentuk Braille untuk sekolah rendah di seluruh Malaysia.

3.3 Buku Braille Elektronik (*Electronic Braille Book*)

Menurut The International Braille Research Center (2000), dalam “The Electronic Braille Book Library”, kandungan buku braille elektronik (*e-braille book*) disimpan dalam disk. Pengguna boleh membaca buku jenis ini secara *on-line* jika mereka mempunyai alat *paperless Braille Display* atau *download* kandungan buku tersebut agar ia dapat dibaca secara *off-line* dalam bentuk cetakan Braille atau dalam *Braille notetaker*. Pengguna boleh *download* bahagian-bahagian tertentu bagi buku tersebut, semua isi kandungan buku, atau koleksi buku tersebut. Buku Braille elektronik boleh didapati daripada sebuah perpustakaan iaitu The Electronic Braille Book Library, yang merupakan salah satu projek yang dijalankan oleh The International Braille Research Center. Perpustakaan tersebut mempunyai 1,000 tajuk buku dan ia merupakan koleksi buku Braille elektronik yang paling besar di dunia.

3.4 Buku Audio (*Talking Book*)

Pada tahun 1931, The American Foundation for the Blind telah mencuba satu program pembangunan yang berbentuk eksperimen untuk buku audio dalam bentuk disk. Mereka telah menghasilkan beberapa tajuk buku atas disk yang berdiameter 12 inci. Dengan kerjasama United States Library of Congress, satu sistem untuk mengedarkan mesin *playback* yang mudah digunakan dan murah telah bermula dalam masa setahun. Sejak itu, program buku audio telah bermula (Clark, 1984:25).

Bahan dalam buku audio biasanya dibaca dengan kadar antara 120 hingga 160 patah kata seminit (Clark, 1984:23). Pada tahun 1960-an, *tape recorder* yang fleksibel, mudah diedit dan digunakan oleh individu telah mengambil alih format buku audio yang berbentuk disk. Selepas itu, pengenalan *superior tape* dan sistem yang mengurangkan bunyi bising dalam proses merekodkan pita, yang menggunakan cakera padat, membolehkan penghasilan bunyi yang berkualiti tinggi (Clark, 1984:25 dan 26).

3.5 Buku Elektronik (*Electronic Book/Digital Talking Book*)

Menurut Janina Sajka dan George Kerscher (2000), dalam “Surpassing Gutenberg-An AFB White Paper: A Historic Opportunity in Access to Published Information for Blind Readers”, Anderson Consulting menganggarkan bahawa penerbitan buku elektronik akan mencapai 10% jualan buku-buku pengguna di Amerika Syarikat pada tahun 2005. Mereka berpendapat bahawa buku elektronik akan berjaya disebabkan ia membekalkan peluang-peluang berkomunikasi yang tidak terdapat dalam media cetak yang tradisional. Kejayaan itu juga disebabkan oleh perkembangan teknologi untuk pembaca cacat penglihatan yang juga memberi manfaat kepada pembaca yang berupaya atau kurang berupaya.

Menurut mereka lagi, buku elektronik membekalkan teks penuh yang boleh dipaparkan secara automatik dalam bentuk Braille atau saiz huruf yang besar. Teks tersebut disimpan dalam komputer dengan pelbagai kod yang boleh digunakan untuk mencari maklumat dan *indexing*. Buku tersebut juga mempunyai bab-bab, bahagian-bahagian, nota kaki dan *sidebar*. Salah satu contoh bagi buku elektronik tersebut ialah **NISO/DAISY Digital Talking Book**. Kandungannya boleh dikodkan dalam CD-ROM untuk pembacaan melalui alat tertentu, melalui Internet dengan menggunakan *browser*.

tertentu, dan melalui *touch-tone telephone*. Kekuatan ini membolehkan pengguna membaca teks mengikut bab, bahagian dan/atau sub bahagian.

Menurut Reiko Kaminome, dalam artikelnya "The Evaluation of DAISY" (*NCBM Outreach*, No.24), DAISY (The Digital Audio Indexing System) membolehkan pengguna yang cacat penglihatan mencari bab-bab, sub tajuk, halaman, perenggan, dan ayat. Pengguna juga dapat menanda bahagian yang penting dengan menggunakan penanda yang ada. Pembacaan teks buku boleh diulangi dan perkataan dalam teks tersebut boleh dieja untuk pemahaman yang lebih baik. Perkara ini tidak dapat dilakukan dengan menggunakan kaset. Selain itu, setiap disk dapat menyimpan teks yang telah direkod selama 50 jam. Kekuatan ini membolehkan pengguna, khasnya pelajar yang cacat penglihatan untuk mendapat buku teks dan bahan rujukan untuk pembelajaran mereka.

3.6 Majalah Braille

The National Council for the Blind, Malaysia (NCBM) menerbitkan majalah mereka, *NCBM Outreach*, dalam bentuk cetakan biasa dan Braille untuk golongan cacat penglihatan. *NCBM Outreach* ialah majalah bahasa Inggeris, dicetak sebanyak empat kali setahun dan diedar secara percuma.

3.7 Internet

Di peringkat antarabangsa, tidak banyak syarikat yang mengambil kira masalah golongan cacat penglihatan untuk menggunakan Internet (*The Star*, 9/10/01). Walau bagaimanapun, menurut Jose' Antonio Borges (2000), dalam "Access and Technology: The DOSVOX Project- Changing the Lives of Thousands of Blind Brazilians", lebih daripada \$00 orang pengguna cacat penglihatan aktif menggunakan Internet DOSVOX di Brazil.

Program khas itu telah dicipta untuk memudahkan penggunaan e-mel, pengedaran faks, akses akbhar, kajian bibliografi dan pengedaran fail bagi golongan cacat penglihatan. Sistem DOSVOX tersebut amat murah dan ia menggunakan *native language*. Bahasa Portugis mengganti bahasa Inggeris dalam dialog kerana sistem itu disediakan untuk rakyat Brazil. Di negara tersebut, kurang daripada 0.1% golongan cacat penglihatan yang menggunakan bahasa lain dan keadaan ini dapat menjelaskan kegagalan sistem komputer asing yang baik [yang biasanya menggunakan bahasa Inggeris] di situ.

3.8 Televisyen Dan Filem

Golongan cacat penglihatan dapat menggunakan televisyen dan filem dengan lebih mudah berbanding media cetak. Walau bagaimanapun, sesetengah syarikat menghasilkan program televisyen dan filem yang lebih mudah digunakan oleh golongan tersebut. Salah satu contoh ialah The Narrative Television Network. Menurut Narrative Television Network (2002), dalam "Opening the World of Entertainment to Blind and Visually Impaired People", ia menyediakan program kedua-dua media tersebut melalui *narration*, iaitu sejenis "suara tambahan" dipasang dengan program tersebut untuk menerangkan elemen visual dalam cerita media massa, sejak tahun 1988.

3.9 Radio

Seperti televisyen dan filem, radio juga dapat digunakan oleh golongan cacat penglihatan dengan lebih mudah. Di peringkat antarabangsa, hanya terdapat empat buah stesen radio yang menawarkan perkhidmatan untuk golongan cacat penglihatan, termasuk WRBH 88.3 FM, Radio for the Blind and Print Handicapped. Menurut WRBH (2002), dalam "It's our 20th Anniversary!", stesen tersebut merupakan stesen FM sepenuh masa yang pertama, yang menawarkan perkhidmatan pembacaan di Amerika Syarikat. Ia

mengalihkan perkataan yang dicetak kepada ucapan untuk disebarluaskan. Stesen radio WRBH 88.3 merayakan ulang tahun ke-20 pada tahun 2002. Ia mempunyai lebih daripada 100 orang sukarelawan yang membaca penerbitan tempatan dan nasional, buku *best seller*, akhbar, jurnal, buku kanak-kanak dan bahan cetakan lain. Ia juga menawarkan masa kepada Kelab Membaca Sekolah Jefferson Parish untuk membaca bahan tertentu secara *on-air*.

3.10 Akhbar Audio

Akhbar audio adalah seperti buku audio, tetapi kandungan mereka adalah berbeza. Ia mengandung perkara yang diperoleh daripada akbar nasional atau tempatan yang direkod dalam pita (Dobree & Boulter, 1982:126).

Jelasnya, kewujudan media massa tertentu atau teknologi khas membolehkan golongan cacat penglihatan menggunakan media massa dengan lebih mudah. Walau bagaimanapun, setiap media massa tersebut mempunyai kekuatan atau peranan yang tersendiri, yang mempengaruhi penggunaan dan kepuasan pengguna. Oleh itu, kajian ini cuba melihat tujuan dan masalah penggunaan media massa, peranan media massa dan tahap kepuasan golongan cacat penglihatan selepas menggunakan media massa tersebut.